

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 DISEMBER 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Minister launches water resources management report	BERNAMA
2.	Menteri lancar laporan pengurusan sumber air	BERNAMA
3.	Tujuh syarikat komersialkan produk di bawah MCY 16	KOSMO
4.	3 inkubator TPM unggul Anugerah MCY 2016	Berita Harian
5.	Pastikan produk ikut spesifikasi	Berita Harian
6.	An eye on renewable energy	The Star



Minister Launches Water Resource Management Report

KUALA LUMPUR, Dec 13 (Bernama) -- An advisory report published by the Academy of Sciences Malaysia (ASM) on strategies and roadmap for a coherent management of water resources nationally was launched here tonight.

Titled 'Transforming the Water Sector: National Integrated Water Resources Management Plan - Strategies and Roadmap', the document was launched by **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau.**

"Management of the nation's water has everything to do with proper governance and smart partnerships across ministries, sectors and knowledge domains.

"The report will serve as a useful reference for the government to chart the course of a more effective and efficient water management," he said at the event.

He also unveiled the list of 25 new Fellows of the ASM.

Fellowship of ASM is the highest recognition for the country's eminent scientists, engineers and technologists who are elected across multiple disciplines of sciences at the ASM annual general meeting.

To date, the ASM has 301 Fellows including 27 Senior Fellows.

-- BERNAMA



Menteri Lancar Laporan Pengurusan Sumber Air

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Satu laporan makluman yang diterbitkan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) mengenai strategi dan pelan tindakan untuk pengurusan sumber air di peringkat kebangsaan dilancarkan di sini malam ini.

Bertajuk "Transformasi Sektor Air: Pelan Pengurusan Sumber Air Bersepadu Negara - Strategi dan Pelan Tindakan", dokumen itu dilancarkan oleh **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau.**

"Pengurusan air negara segala-galanya mempunyai kaitan dengan tadbir urus yang sempurna dan perkongsian pintar merangkumi kementerian, sektor dan domain ilmu.

"Laporan itu akan menjadi rujukan berguna bagi kerajaan untuk merangka hala tuju pengurusan air yang lebih efektif dan efisien," kata beliau pada majlis itu.

Beliau juga mengumumkan senarai 25 Fellow baharu ASM.

Fellowship ASM merupakan pengiktirafan tertinggi kepada saintis, jurutera dan ahli teknologi di negara ini yang dipilih mencakupi pelbagai disiplin sains pada mesyuarat agung tahunan ASM.

Setakat ini, ASM mempunyai 301 fellow termasuk 27 Fellow Kanan.

-- BERNAMA

Tujuh syarikat komersialkan produk di bawah MCY 16

PIXKUALA LUMPUR - Sebanyak tujuh syarikat bertaraf BioNexus telah berjaya mengkomersialkan sejumlah 11 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) berasaskan bio di bawah platform Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY 16).

Ia diusahakan dengan kerjasama Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. (Bioeconomy Corporation).

Syarikat-syarikat tersebut ialah Bio Tree Technology Sdn. Bhd., Tropical Bioessence Sdn. Bhd., Furlay Bioextracts Sdn. Bhd., Persona Kosmetik Sdn. Bhd., Ligno Biotech Sdn. Bhd., Algatech International Sdn. Bhd. dan Proliv Life Science Sdn. Bhd.

Ia merupakan sebahagian daripada 150 produk tempatan yang dikomersialkan di bawah MCY



SYED Agil (tiga dari kiri) bersama wakil syarikat-syarikat BioNexus di Kuala Lumpur baru-baru ini.

16 dan berada di bawah bidang nutraseutikal dan kosmeseutikal selain sektor kesihatan dan perubatan.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, Syed Agil Syed Hashim berkata: "MCY 16 merupakan dorongan bagi pihaknya untuk menggalakkan

syarikat status BioNexus membawa produk inovatif R&D ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Kami gembira melihat program usahawan Bioeconomy Corporation meningkatkan persaingan mereka ke arah meluaskan sasaran pasaran," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.

3 inkubator TPM unggul Anugerah MCY 2016

Tiga syarikat inkubator Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) menang hadiah utama Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY 2016) yang berlangsung di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

MIT Innovation Sdn Bhd, BNetworks Sdn Bhd and ParkBox Digital Sdn Bhd, masing-masing meraih Anugerah Terbaik Keseluruhan, Anugerah Usahawan Penyelidik dan Anugerah Usahawan Inovator Baharu, dengan ganjaran tunai berjumlah RM500,000.

Presiden dan Ketua Pegawai



Mohd Azman Shahidin

Eksekutif TPM, Datuk Ir Mohd Azman Shahidin, berkata pemenang anugerah MCY 2016 TPM menunjukkan keupayaan dan kapasiti organisasi untuk menyumbang serta menjana hasil aspirasi negara mencapai ekonomi berasaskan pengetahuan.

Hasil usaha bersepadu

"Kami sangat gembira dan berbangga dengan usaha yang dilakukan peserta inkubator kami, kakitangan di Pusat Inovasi Inkubator TPM dan rakan program bimbingan berstruktur dalam me-

macu kejayaan ini.

"Ini adalah hasil usaha bersepadu semua pihak berkepentingan, profesionalisme dan tenaga positif untuk sentiasa mencapai matlamat yang diinginkan dalam perniagaan," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

MIT Innovation, pemaju teknologi iCWD Sistem Gerudi Pintar memenangi Anugerah Terbaik Keseluruhan MCY 2016 dan Anugerah Pencapaian Pengkomersialan, sekali gus menerima ganjaran tunai masing-masing RM250,000 dan RM100,000.

BNetworks Sdn Bhd, pemaju BWave IOT Platform memenangi Anugerah Usahawan Penyelidik dengan ganjaran wang tunai RM100,000; manakala ParkBox Digital Sdn Bhd, pemaju aplikasi mudah alih bayaran tempat letak kereta, dinobatkan Usahawan Inovator Baharu dengan hadiah tunai RM50,000.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 14 DISEMBER 2016 (RABU)

Pastikan produk ikut spesifikasi

➔ Keselamatan, kualiti barang elektrik perlu dipertingkatkan

Oleh Rashedah Ili
Abd Rahim
rasyiqah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Semua agensi kerajaan yang terbabit dengan industri elektrik dan elektronik, perlu proaktif dan agresif menguatkuasakan undang-undang secara

bersepadu, bagi memastikan barangan elektrik termasuk power bank dalam pasaran, dikawal secara mandatori mengikut spesifikasi ditetapkan **SIRIM**.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, berkata ia penting bagi memastikan keselamatan produk yang sampai ke tangan pengguna, selain pihak industri boleh

menggunakan piawaian itu untuk meningkatkan lagi kualiti produk masing-masing.

Katanya, ada pelbagai peraturan untuk mengawal dan memantau kemasukan barangan terbabit ke negara ini, namun PPIM mempersoalkan sejauh mana penguatkuasaan dijalankan terhadap penjualan serta pengedarannya.

"Kebanjiran barangan elektrik tanpa mematuhi piawaian bukan perkara baharu. Saya pernah ajukan perkara ini kepada pihak berkuasa. Memang pada mulanya, kami nampak sedikit perubahan dari segi penguatkuasaan.

Kes meningkat

"Namun sekarang, pihak terbabit seolah-olah menghalalkan penjual dan pengedar yang tidak beretika ini terus menipu pengguna. Takkan perkara sebegini pun kita hendak uar-uarkan dan dedahkan menerusi media, baru tindakan akan diambil," katanya.

Nadzim berkata, meskipun aduan tidak banyak, kes kematian dan kecederaan berpunca daripada barangan elektrik terutama membabitkan power bank, menunjukkan peningkatan pada tahun ini.

"Malah, perangkaan Jabatan Bomba dan Penyelamat sebelum ini juga pernah mencatatkan pe-

ningkatan kadar kebakaran berpunca daripada barangan elektrik dan pemasangan serta pendawaian elektrik tidak sempurna.

"Pengguna juga harus mempunyai kesedaran mengenai isu ini supaya pihak berkuasa tidak hanya boleh menuding jari kepada mereka. Jika label dijadikan ukuran, saya juga keliru dengan ketidakseragaman penggunaan label pada barangan berkenaan," katanya.

Sementara itu, tinjauan **BH** di sekitar ibu kota mendapati pel-

bagai jenis dan jenama barangan elektrik dijual di pasaran, termasuk di pasar malam, bazar dan di kedai dalam pusat beli-belah.

Dengan tawaran harga lebih murah daripada barangan berjenama terkenal, barangan berkenaan terus mendapat permintaan daripada pengguna. Mereka walaupun bimbang dengan keselamatan barangan itu, tetap membelinya kerana murah.



Keratan akhbar BH
semalam.

An eye on renewable energy

THE world's climate change enthusiasts concluded their meeting in Marrakesh, Morocco, last month. In the words of the organisers: "The Conference has successfully demonstrated to the world that the implementation of the Paris Agreement is underway and the constructive spirit of multilateral cooperation on climate change continues."

Some view the statement as over optimistic considering recent sceptical rhetoric from the US which many see as equivalent to ridiculing the entire climate change claim.

Since the US is seen as a key player in the global fight to neutralise climate change, the days ahead will surely prove to be challenging times for climate change activists everywhere.

Whatever it is, many of the solutions for climate change lie in our choice of energy.

Countless studies have concluded that unless people wean themselves off their addiction to fossil fuels, there is no way the world can win the fight against climate change.

Renewable energy has been touted as the alternative to fossil fuel. However, implementing renewable energy is not without its challenges. Cost is one. At the current comparatively low price of crude oil, the cost competitiveness of renewables has been severely eroded.

Of course, the proponents of renewable energy will argue that the costs should also take into account environmental and health costs. Incorporating such costs would put renewable energy in a better position. Notwithstanding the costs disadvantage, many countries are actively promoting renewable energy for the longer term.

Many still believe that crude oil prices are set to rise in the longer term.

Indonesia is one country which has indicated strong interest in investing in renewable energy infrastructure.

This became clear at a recent conference organised by CONFEXHUB in Jakarta. Titled "Renewable Energy for Indonesia 2016 (RE4I)", the conference



attracted close to 200 participants.

By the year 2025, the population of Indonesia is expected to reach 285 million, the highest among Asean member nations. And the people there are in no mood to slow down growth. Large families are still common in Indonesia.

Growth in demand for national energy is inevitable. One important development is that, since the middle of the last decade, Indonesia has switched from being a petroleum exporting nation to a petroleum importer.

This transition has created even more urgency to look at alternative sources of energy.

Estimates have put the potential in new and renewable energy (NRE) in Indonesia at 200,000MW of electricity generation. So far, only 6.8% has been realised.

In 2014, Indonesia's National Energy Policy set a target of 23% renewable energy to be produced by 2025. This would require an investment of around 1,600 trillion rupiah.

The hosting of the Second Renewable Energy for Indonesia 2016 provided a good platform for potential investors to understand the key development issues of investing in the country's renewable energy sector.

The speakers selected also provided useful information on how to effectively manoeuvre the many stages of getting investment approval in a country which is still struggling to reduce bureaucracy not only at the central level but more so at the provincial level.

Fortunately, we were told that the processes have vastly improved.

Admittedly, it would be hard to resist the attractive potential Indonesia offers.

It has an estimated geothermal energy potential of 29GW, equivalent to about 40% of the world's total geothermal reserves.

A new law has been passed which separates geothermal from other mining activities, thus paving the way for geothermal exploration

in the country.

The Geothermal Fund Facility (GFF) provides support to mitigate risks, as the government ventures to make investments in geothermal energy more attractive.

Indonesia has an estimated 75,670MW of hydropower potential. And 95% of the hydropower potential is still unutilised. Participants were also given the latest update on the country's Feed-in Tariffs (FiTs) for hydropower projects.

Investors at the conference concurred that they are attractive.

It also became obvious to many at the conference that it would be difficult for players in RE to ignore the potential Indonesia offers.

It was also a relief that Malaysia was represented at the conference since we do have renowned experts in the field.

**PROF DATUK DR AHMAD
IBRAHIM**
Academy of Sciences Malaysia
UCSI University